

# Tiga pelatih SUKSIS USIM terima anugerah

**Nilai:** "Dipilih sebagai penerima Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan adalah sesuatu yang tidak dijangka dan saya bersyukur atas anugerah ini."

Demikian luahan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Jaminan dan Keselamatan Maklumat, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Hafiz Amir, 22.

Muhammad Hafiz antara 56 pelatih Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS) USIM yang menerima pentaulihan sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor SUKSIS Kali Ke-11 di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

Majlis yang disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, menyaksikan seramai 1,026 pelatih Kor SUKSIS Universiti Awam seluruh negara diraikan dalam acara penuh gemilang.

## **Peluang cerah**

Yang turut hadir ialah Ketua Polis Johor, Datuk Rusli Ahmad dan Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani.

Muhammad Hafiz berkata, anugerah itu menyediakan peluang cerah buatnya untuk menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila tamat pengajian kelak.

"Saya menyimpan impian menjadi pegawai polis sejak zaman persekolahan lagi dan ini mendo-



**PENGALAMAN  
MENYERTAI SUKSIS  
TURUT MENGUBAH  
PERSONALITI SAYA  
MENJADI SEORANG  
LEBIH BERDISIPLIN,  
BERKEYAKINAN  
DAN MEMANTAPKAN  
KEMAHIRAN  
KEPEMIMPINAN**

**Muhamad Hafiz,**  
*Pelatih SUKSIS USIM*

rong saya untuk memilih SUKSIS sebagai kegiatan kokurikulum di universiti.

"Pengalaman menyertai SUKSIS turut mengubah personaliti saya menjadi seorang yang lebih berdisiplin, berkeyakinan dan dapat memantapkan kemahiran kepeimpinan" katanya.

Selain Muhammad Hafiz, dua lagi pelatih SUKSIS USIM yang turut meraih anugerah ialah Abdul Rahman Razali, 22 dan Shafatin Mohd Zahar, 22, masing-masing menerima Anugerah Pelatih Terbaik Latihan Luar dan Pelatih Terbaik Latihan Akademik.



Dari kiri; Shafatin, Muhammad Hafiz dan Abdul Rahman **bersama-sama hadiah masing-masing.**